UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RPK 534 - PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **Soalan 1** adalah soalan **WAJIB.**

1. Siapakah yang merancang pembangunan bandar di Malaysia?

   Bincangkan perkara ini di dalam konteks perhubungan di antara pelbagai peringkat kerajaan (persekutuan, negeri dan tempatan) dan badan-badan berkanun (seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang PDC, Perbadanan Pembangunan Bandar UDA, Lembaga Kemajuan Wilayah PERDA, dsb.)

   (25 markah)

2. Adakah anda bersetuju dengan pendapat bahawa "pihak berkuasa tempatan seharusnya berfungsi sebagai sebuah firma usahawan (entrepreneur)"? Sejauh manakah pihak berkuasa tempatan di Malayia boleh berdikari dari segi kewangan (self-financing) dan beroperasi sebagai sebuah firma swasta? Kaitkan perbincangan anda dengan dasar dan amalan penswastaan oleh pihak berkuasa tempatan di Malaysia.

   (25 markah)

3. Salah satu daripada strategi pembangunan bandar di dalam Pelan Strategik Pulau Pinang ke Abad 21 ialah mengalih atau menghalakan tekanan pembangunan ke pusat-pusat pertumbuhan baru dengan tujuan untuk menyebarkan pembangunan dan mengurangkan masalah sosio-ekonomi, reruang dan alam sekitar, serta ketidakseimbangan kawasan bandar dan luar bandar.

   Melalui strategi pembangunan bandar ini, bandar-bandar baru yang telah dan akan dibangunkan ialah Bandar Bayan Baru di Pulau Pinang, Bandar Seberang Jaya di Seberang Perai dan Batu Kawan di Seberang Perai Selatan.

   Sejauh manakah strategi pembangunan bandar yang sedemikian dapat menangani isu dan masalah bandar yang anda telah kenalpasti itu?

   Adakah terdapat satu pendekatan alternatif yang boleh dicadangkan untuk menangani isu dan masalah bandar?

   (25 markah)

4.

Jadual 1 : Gunatenaga di Malaysia (%)
1985 - 1995

Sektor	1985 %	1990 %	1995 %
Pertanian dan Perhutanan	31.3	27.8	23.5
Perlombongan dan Kuari	0.8	0.6	0.5
Pembuatan	15.2	19.5	21.9
Pembinaan	7.6	6.4	7.1
Perkhidmatan bukan kerajaan*	30.5	32.9	35.7
Perkhidmatan kerajaan	14.6	12.8	11.3
Jumlah	100.0%	100.0%	100.0%
Gunatenaga (dlm. ribu)	6,039.1	7,046.5	8,114.0

* Termasuk elektrik; gas dan air; pengangkutan; penyimpanan dan komunikasi; perniagaan borang dan runcit; hotel dan restoren; kewangan; insuran; harta rumah dan tanah; perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan lain.

[Sumber: Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995)]

Berdasarkan Jadual 1 yang diberi, bincangkan perubahan struktur gunatenaga di Malaysia dalam tempuh 1985 hingga 1995 dan kesannya terhadap perancangan pembangunan bandar.

Bagaimanakah seorang pegawai perancang bandar boleh menggunakan jadual tersebut untuk merancang keperluan pekerjaan di sesebuah bandar di Malaysia? Adakah terdapat maklumat-maklumat tambahan yang diperlukan untuk tujuan di atas?

(25 markah)

5. Sebagai seorang pegawai perancang, apakah matlamat-matlamat yang ingin anda capai di dalam perancangan pembangunan bandar?

   Sejauh manakah Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan berjaya mencapai matlamat-matlamat yang telah anda kenalpasti itu?

   Bagaimanakah anda akan memastikan matlamat-matlamat yang telah dikenalpasti itu akan tercapai sepenuhnya?

(25 markah)

-oooOOooo-